

# UPM jadi tumpuan duta dan pesuruhjaya asing

Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI

Foto: Sabri Omar

SERDANG (9 Feb) - Sempena sambutan Jubli Intan Universiti Putra Malaysia (UPM), seramai 51 duta-duta dan pesuruhjaya tinggi asing bersama-sama isteri masing-masing serta pelajar antarabangsa dan pegawai dagang di negara ini berpeluang mengunjungi UPM dan mengetahui keistimewaan kampus hijau ini.

Program Promosi Bersama Duta-Duta dan Pesuruhjaya Tinggi Asing ke UPM merupakan satu program promosi secara in-house, dalam usaha mempromosi dan menarik pelajar antarabangsa bagi program siswazah, menggalakkan program pertukaran pelajar atau staf dan menjalin kerjasama penyelidikan.

Rombongan duta dan Pesuruhjaya Tinggi Asing didedahkan dengan informasi penting mengenai UPM iaitu seperti program pra-siswazah dan siswazah (undergraduate and postgraduate), aktiviti penyelidikan dan pembangunan universiti.

Para duta dan pesuruhjaya tinggi berpeluang menaiki bas UPM untuk mengelilingi kampus UPM bagi membolehkan mereka untuk melihat kemudahan UPM secara dekat dan menikmati keindahan dan kehijauan UPM yang kaya dengan landskap alam semula jadi.

Ketua Bahagian Perhubungan Antarabangsa, Nor Adida Abd. Khalid berkata, ini merupakan satu program khas untuk mempromosi UPM dengan menjemput duta-duta dan pesuruhjaya tinggi asing ke kampus UPM dan memperkenalkan secara lebih dekat mengenai program pengajian yang dijalankan di UPM, kecemerlangan penyelidikan dan pelbagai kemudahan seperti makmal, perumahan, pengangkutan dan rekreasi.

Secara jelasnya program ini bertujuan untuk menarik lebih ramai pelajar asing yang berkualiti dan berpenaja untuk



Tertarik... sebahagian Duta melihat secara dekat alat muzik tradisional Melayu.

mengikuti pengajian peringkat siswazah dalam pelbagai bidang di UPM. Seterusnya, mendapatkan peluang kerjasama dua hala dalam menjayakan program pertukaran pelajar dengan universiti-universiti antarabangsa terutamanya dari negara-negara maju.

Program ini juga menjadi 'platform' untuk mendapatkan maklumat daripada kedutaan mengenai peluang-peluang mengenai pelajar antarabangsa yang berpenaja dan maklumat lain yang berkaitan (satu set borang soal-selidik akan turut disediakan kepada kedutaan dan Pejabat Pesuruhjaya Tinggi dalam usaha mendapatkan maklumat yang relevan dalam menentukan formula strategi promosi UPM yang berkesan pada masa depan.

Seterusnya, mempamerkan rekod-rekod kejayaan dan pencapaian UPM mengenai aktiviti akademik dan penyelidikan selain menghidangkan para tetamu dengan produk-produk istimewa UPM seperti masakan daging rusa yang ditenak sendiri oleh UPM, pelbagai jenis pastri dan

kek serta jus minuman dari Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, dan persembahan kebudayaan daripada staf dan pelajar UPM. Serdang (9 Feb) - Sempena sambutan Jubli Intan Universiti Putra Malaysia (UPM), seramai 51 duta-duta dan



Para isteri Duta turut diraikan UPM.

pesuruhjaya tinggi asing bersama-sama isteri masing-masing serta pelajar antarabangsa dan pegawai dagang di negara ini berpeluang mengunjungi UPM dan mengetahui keistimewaan kampus hijau ini.